

# **SEJARAH DAN ULASAN KRITIS KITAB AL-BARAKAT AL-MAKKIYAH FI AL-SALAWAT AL-NABA WIYYAH KARANGAN AL-‘ALLAMAH AL- FAQIH AL-MUHADDIS MUHAMMAD MUSA AL-RUHANI AL-BAZI**

Dr Muhammad Khairi Mahyuddin<sup>1</sup>

*Universiti Sains Islam Malaysia*

Awatif Abdul Rahman<sup>2</sup>

*Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor*

## **ABSTRAK**

*Kemuliaan Nabi Muhammad SAW sentiasa menjadi perhatian para ulama dahulu dan sekarang. Mereka mengkaji dari kitab-kitab turas Islam untuk mengetahui nama-nama Nabi Muhammad SAW dan menyebutnya dalam amalan berselawat kepada Baginda SAW. al-Allamah al-Faqih al-Muhaddis Muhammad Musa al-Ruhani al-Bazi merupakan seorang ulama dari Pakistan didapati telah mengarang sebuah kitab selawat berjudul al-barakat al-makkiyah fi al-salawat al-nabawiyyah yang mengadungi 805 nama nama Nabi hasil penelitiannya daripada pelbagai sumber Islam. Penulisan ini mengaplikasikan kajian sejarah dan analisa kandungan. Hasil dapatan mendapati bahawa Muhammad Musa al-Ruhani al-Bazi merupakan seorang ulama muktabar. Kitab al-barakat al-makkiyah fi al-salawat al-nabawiyyah adalah kitab yang baik, jelas dan tidak bertentangan dengan pegangan akidah dan tasawwuf Ahl al-Sunnah wa al-Jama‘ah.*

**Kata Kunci:** *Nabi Muhammad, Selawat, Al-Barakat Al-Makkiyah*

## **1.0 LATAR BELAKANG PENULIS**

Penulis kitab *al-barakat al-makkiyah* ini ialah Shaykh Maulana Muhammad Musa al-Ruhani al-Bazi. Lahir pada tahun 1935M di Pakistan dan meninggal pada tahun 19 Oktober 1998 pada umur 63 tahun di perkuburan Mayani sahib, Lahore, Pakistan. Beliau belajar di Madrasah Qasim al-‘Ulum Multan, Pakistan dengan beberapa guru ternama seperti Maulana Ghulam Allah Khan dan Mufti Mahmud of Multan Pakistan yang merupakan salah seorang *khalifah* Shaykh al-Hadis Maulana Muhammad Zakariyya.

Beliau adalah seorang ulama yang menguasai beberapa bidang ilmu Islam seperti hadis, fiqh, tafsir, kesusasteraan bahasa arab, mantiq, falsafah, astronomi, tarikh Islam dan lain-lain lagi. Hasil penguasaan beliau dalam pelbagai ilmu Islam, membolehkan beliau mengarang beberapa kitab dalam bahasa arab, urdu dan parsi seperti *riyad al-sunan sharah al-sunan al-tirmizi*, *sharh tafsir al-baydawi*, *fath allah fi sharh khasais al-Islam allah*, *al-qasidah al-husna fi asma al-nabi al-‘uzma* (500 nama nabi saw), *al-najm as-sa‘d fi mabahith amma ba‘d*, *fath al-‘alim fi halli ishkali al-tashbih al-‘azim fi hadith ‘kama sallayta ‘ala ibrahim*, *al-barakat al-makkiyah fi al-salawat al-nabawiyyah* dan lain lain

<sup>1</sup> Fakulti Kepimpinan & Pengurusan Universiti Sains Islam Malaysia Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan 0129069830 muhammadkhairi77@gmail.com

<sup>2</sup> Pusat Pengajian Teras Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor 0125692536 awatif@kuis.edu.my

lagi (Ibrahim Amin 2008). Kealiman beliau dalam pelbagai bidang ilmu Islam, menyebabkan beliau digelar sebagai *imam al-muhadthin najm al-mufassirin zubdah al-muhaqqiqin*. Antara pelajar beliau dari Malaysia ialah Maulana Hasnul Hizam Hamzah (khadim khas beliau), Maulana Hamzah dan Maulana Ismail Mat Deris. Mereka adalah tenaga pengajar hadith di Madrasah Miftahul Ulum,Sri Petaling dan cawangannya .

## 2.0 METODOLOGI

Penulisan ini menggunakan kajian sejarah dan anslia kandungan . Kajian secara dilakukan untuk mengetahui latarbelakng tokoh, pengajian dan penulisannya. Manakala kajian analisa kandungan secara kritisik dilakukan terhadap kandungan yang wujud dalam kitab *al-barakat al-makkiyyah* terutama nama-nama yang bukan berbahasa arab untuk dilihat mengenai keharusan membacanya.

## 3.0 LATAR BELAKANG BUKU

Kitab *al-barakat al-makkiyyah* sebuah kitab yang ditulis dalam bahasa arab. Ia merupakan himpunan bacaan Selawat kepada Nabi Muhammad SAW dengan nama nama Baginda sebanyak 805 nama. Nabi Muhammad SAW seperti *rahmah al-ummah*, *rahmah al-alamin* dan sebagainya. Di permulaan buku ini diceritakan faedah dan perbincangan ringkas masalah dan kelebihan berselawat kepada Nabi Muhammad SAW berdasarkan al-Quran, hadis hadis Nabi SAW , pandangan para ulama Islam seperti Shams al-Din Muhammad ibn `Abd al-Rahman al-Sakhawi (w.1497 M), Nur ad-Din Abu al-Hasan Ali ibn Sultan Muhammad al-Hirawi al-Qari (w.1605M), Abū Ja'far Ahmād ibn Muhammād al-Tahawī (w853 M) / 239 AH, Muhammād bin Abdūl Baqī bin Yusūf bin Ahmad bin Alwan al-Zarqānī (w1710 M), Ibn hajar, Abū'l-Fadl Ahmad ibn Ali ibn Muhammād, (w1449M), Ibn Qayyim al-Jawziyya, Muḥammad ibn Abī Bakr (w1350M )dan juga pengalaman para ulama salihin terdahulu.

Di Malaysia, buku ini diterbitkan oleh Design Publishing House, Kuala Lumpur tanpa tahun penerbitan tetapi terdapat tahun dalam pendahuluan kitab sekapur sirih oleh Muhammad Razif bin Abd Wahab 24 Rajab 1435/24 Mei 2014. Bacaan selawat kepada Nabi SAW dipecahkan kepada tujuh (7) *Hizib* sebagai cara membaca sehingga khatam. Selawat ditulis dalam bahasa arab yang jelas dan berbaris.

Shaykh Maulana Muhammad Musa (t.t) juga tidak memasukkan nama-nama Nabi SAW menjadi khilaf dikalangan para ulama kerana takut buruk adab degan Rasulullah SAW (*su' al-adab*) atau dikuatir bertentangan dengan prinsip tauhid seperti *al-Munji* , *al-shafi*, *kashif al-karb*, *al-mughith*, *al-mughni*, *al-yatim* dan lain lain . hal ini kerena beliau kerana memilih konsep berwaspada (*al-ahwat*) dalam amalan agama. Selain itu, beliau juga meletakkan nota kaki dan rujukan ringkas bagi menjelaskan nama-nama Nabi SAW yang bukan berbahasa arab tetapi mengandungi makna mulia yang layak dengan keperibadian benar dan ketinggian Nabi SAW.

Maulana Muhammad Musa Ruhani Al-Bazi (t.t) sendiri telah berdoakan kepada pembaca dan penyimpanan kitab *al-barakat al-makkiyyah fi 'l-salawat al-nabawiyah* ini di dalam Masjidil Haram dengan diselubungi keberkatan Ka'bah untuk diberikan beberapa faedah seperti dipelihara daripada setiap kerisauan dan kebimbangan ,ancaman musuh, pengacau dan orang fasiq, diselamatkan daripada banjir dan kebakaran , dijaga daripada rompakan

dan kecurian seperti berada dalam kubu yang kuat lagi kukuh, diselubungi dengan Rahmat, keberkatan, ketinggian, kemuliaan, kebaikan, kesejahteraan dan ‘afiah

Untuk membaca dan mengamalkan bacaan selawat *al-barakat al-makkiyah* sebaiknya perlu mendapat Ijazah melalui kiriman e-mail dan lisan dari anak-anak beliau iaitu Maulana Muhammad Zubair dan Maulana Muhammad Zuhair.

#### 4.0 ANALISA DAN PERBINCANGAN

Dalam bab *fawa'id al-barakat al-makiyyah*, Maulana Muhammad Musa Ruhani Al-Bazi ada menyebut mengenai kelebihan selawat keatas Nabi Muhammad SAW dalam bentuk gandaan bilangan sebagai ganjaran terutama berselawat di Masjid Al-Nabawi dan Masjid Al-Haram. Turut dihuraikan juga bahawa para malaikat berselawat kepada orang yang berselawat sehingga mencecah bilangan ratusan ribu kali. Hal ini dinyatakan oleh beliau berdasarkan kelebihan fadilat dan bilangan ganjaran selawat kepada Nabi SAW daripada pelbagai sumber dan riwayat hadis Nabi SAW. Kesemua fadilat dan bilangan ganjaran ini berlaku dengan kurnia dan rahmat Allah.

Berkenaan fadilat dan gandaan bilangan ganjaran berselawat ini dilihat tidaklah bertentangan dengan prinsip tauhid dan shariah. Ia termasuk dalam masalah cabang (*furu'*) dan bersifat kelebihan-kelibihan beramal (*fada'il al-a'mal*). Usaha dan huraiyan Maulana Muhammad Musa Ruhani al-Bazi mengenai fadilat dan bilangan ganjaran berselawat dilihat adalah berdasarkan jalan qiyas, iqtibas dan ijtihad dari makna-makna hadis Nabi SAW.

Penggunaan nama-nama Nabi Muhammad SAW dalam istilah bukan arab, iaitu dalam bahasa ibrani, siriyan dan romawi seperti مَوْنَ مَوْنَ (ms136), مَيْنَا مَيْنَا (ms184-185) dan يُونَ مُونَ (ms 202) yang disebut dalam suhuf Ibrahim dan taurat yang bermaksud

طَيِّبٌ طَيِّبٌ seperti yang dicatat dalam kitab al-sirah al-halabiyyah oleh Ali bin Burhanuddin al-Halabi. Dan juga الحمد مُشَفَّح (ms152) bermaksud daripada bahasa Siriyan seperti catatan daripada Imam al-Zarqani. Selain itu, terdapat juga istilah عَلَمَةٌ كَنْدِيَّةٌ bermaksud (ms133), البرقِيَّسُ قَدْمَاءٌ (ms130), الفَصِيحُ اللَّوْنُعِيُّ (ms 135), البرقِيَّسُ قَدْمَاءٌ (ms36) bermaksud Muhammad dalam bahasa romawi menurut Ibn Ishaq dan lai-lain lagi (Muhammad Musa t.t)

Penggunaan nama-nama Nabi SAW dalam bahasa bukan arab tidaklah menjadi kesalahan selagi maknanya menunjukkan kemuliaan dan kebesaran Nabi SAW. Bentuk kenyataan dan cara berselawat keatas Nabi SAW tidak dinyatakan secara spesifik dan hadnya, selagimana tidak bertentangan dengan prinsip tauhid dan shariah. Kenyataan ini diperkuatkan oleh pandangan Shaykh Muhammad Said al-Busiri al-Shazili (w 1296M) menyebut dalam syair qasidahnya :

دع ما ادعت النصارى في نبيهم  
واحكِم بما شئت مدحا فيه واحتكم  
فانسب إلى ذاته ما شئت من شرف  
وانسب إلى قدره ما شئت من عظم

فِإِنْ فَضْلُ رَسُولِ اللَّهِ لَيْسَ لَهُ

حَدْ فِي عَرْبٍ عَنْهُ نَاطِقٌ بِفِيمْ

Terjemahan:

Tinggalkan cara orang-orang Nasrani (Kristian) dalam menyanjung Nabi mereka (Isa a.s)(Maksudnya, jangan katakan Muhammad saw itu mempunyai sifat ketuhanan).

Selepas itu terserahlah kepadamu untuk memuji Baginda saw dengan sesuka hati.  
Pujilah apa sahaja kemuliaan yang ada padanya sesuka hatimu.

Dan pujilah apa sahaja keagungan yang layak untuk kedudukannya sekehendakmu.

Kerana sesungguhnya keagungan Rasulullah saw itu tiada had baginya, sehingga lidah dapat mengungkapkan segala keistimewaannya dengan bahasa indah (al-Busiri t.t.)

Malah nama-nama Nabi SAW dalam bahasa bukan arab seperti bahasa Ibrani, siriyan dan romawi tidaklah sesuatu yang yang baru. Hal ini kerana kedatangan Nabi SAW sebagai Nabi akhir zaman sebelum dan selepas berlaku penyelewengan memang telah disebut didalam kitab Zabur, Taurah dan Injil dan suhuf suhuf para Nabi terdahulu dalam bahasa mereka. Mengenai hal ini boleh dirujuk dalam kitab *hujjatullah ḥala al-alamin fi muḥājizat sayyid al-mursalin* karangan shaykh Yusuf Ismail al-Nubhani(w1931M). Dalam buku ini boleh disemak nama-nama Nabi dalam bahasa bukan arab dalam bab *al-asma al-nabawiyah al-waridah fi al-kutub al-samawiyah wa sharh al-aṣṭāṣāfiyyah minha* sehingga habis (al-Nubhani 2005).

Manakala dalam bab kelebihan *al-barakat al-makkiyah* mengenai fadilat menyimpan kitab *al-barakat al-makiyyah* didalam rumah dan membaca kitab selawat akan mendapat fadilat seperti dipelihara daripada musuh, kerisauan, kebimbangan, kecurian, rompakan, diangkat derajah dan lain lain lagi. Maka, kenyataan umum ini adalah bersifat galakan (*tarqhib*) kerana menghormati amalan berselawat. Fadilat menyimpan kitab dan membacanya datang daripada permohonan doa Maulana Muhammad Musa Ruhani al-Bazi kepada Allah untuk memelihara orang yang menyimpan dan membacanya bukanlah dicatit berlaku secara sendiri (*mustaqillah*) daripada perbuatan menyimpan dan membaca tetapi ia adalah berlaku dengan kurniaan dan izin Allah.

Jika diselidiki fadilat-fadilat berselawat memang telah disebut oleh para ulama terdahulu dalam kitab-kitab mereka seperti *dalail al-khayrat* oleh Imam Muhammad bin Sulaiman al-Jazuli (w.1416M) (al-Jazuli t.t.), *sullam al-taysir li yusra wa nafahat al-dhikr wa al-dhikra fi al-salat wa al-taslim ḥala abi al-zahra saiyyidina wa maulana Muhammad ahl al-dunya wa al-akhira* oleh Abdulrahman bin Ahmad Ali al-Kaf al-Husayni (al-Kafi 2007) dan lain lain lagi

Selain itu, penceritaan tentang karamah dan kelebihan penulis *al-barakat al-makkiyyah*, shaykh muhammad Musa Ruhani Bazi seperti keluar bau haruman syurga dari kuburannya dan seluruh kuburan yang berhampiran dengannya selama tujuh bulan. Mengenai hal karamah selepas kematian adalah perkara mumkin dan ia boleh berlaku dengan keizinan Allah menurut pandangan Ahl al-sunnah wa al-Jamaah.

Kejadian peristiwa seumpama keluar bau harum telah berlaku pada pada ulama soleh terdahulu yang mengamalkan amalan bacaan selawat seperti Imam Muhammad bin Sulaiman Jazuli (w.1416M). Ketika dipindahkan mayatnya, jasad beliau tidak berubah seumpama masih hidup dan keluar bau yang harum kasturi dari kuburnya. Hal ini telah catit dalam kitab *matali<sup>c</sup> al-masarrat bijala dalail al-khayrat* oleh Imam Muhammad al-Mahdi bin Ahmad Al-Fasi (1279H). Mengenai hal karamah semasa hidup dan selepas mati, dalam Islam karamah perkara yang mencari adat adalah perkara harus yang boleh berlaku dan wujud kepada para ualiya salihin. Untuk mendalami kisah dan bentuk karamah yang berlaku kepada para auliya salihin boleh dirujuk kitab- kitab seperti *jami<sup>c</sup> karamat al-auliya'* oleh Shyakh Yusuf Ismail al-Nubhani *karamah al-auliya' fi al-hayah wa ba'da al-intiqal* oleh shaykh Ahmad al-Jawhari (al-Nubhani 2009; al-Jawhari 2009) dan lain lain

Usaha mengumpul dan menyusun amalan berselawat sebanyak 805 nama-nama Nabi SAW dalam bahasa arab dan bukan arab sperti Ibrani dan Siryani sebagai amalan mendekatkan diri kepada Allah adalah tidak bertentangan dengan ajaran Islam. Usaha Shaykh Maulana Muhammad Musa al-Ruhani al-Bazi menyusun amalan bacaan selawat daripada sumber pembacaan dan penelitian beliau yang luas adalah baik, soleh dan tidak bertentangan dengan akidah Islam dan shariah. Malah usaha beliau menjadi contoh yang baik dalam usaha mendekatkan diri untuk kasih kepada Nabi SAW sebagai jalan wasilah mendekatkan diri kepada Allah dan beribadah kepadaNya dengan hati yang ikhlas dan penuh mahabbah kepadaNya.

Kitab *al-barakah al-makkiyyah* merupakan kitab karangan Shaykh Maulana Muhammad Musa al-Ruhani al-Bazi yang merupakan ulama mutaakhir, maka kitab ini tidaklah nadir kerana manhaj dan usaha beliau adalah hampir sama dengan usaha ulama terdahulu seperti Shaykh Muhammad bin Sulaiman al-Jazuli (w. 1416M) . Kitab *al-barakat al-makkiyyah* ini diberkati dan telah mencapai tahap penerimaan ummah mengenai kebenarannya (*talaqq al-ummah bi al-qabul*) oleh para salihin dan dibaca oleh ramai muridnya di Pakistan sehingga di Malaysia.Tanda sesuatu kitab mencapai *talaqq al-ummah bi al-qabul* ialah kitab tersebut mestilah dipelajari merentasi masa, menjadi rujukan para ulama dan menjadi perhatian para ulama untuk mensharah, meringkas , mentakhrij dan sebagainya (Abdullah 2016).

Muhammad Razif dalam sekapur sirih dihadapan kitab *al-barakat almakiyyah* memberi kenyataan seperti berikut”

Kitab ini ialah kitab yang sangat-sangat berkat, makbul dan dikenali dalam lingkungan para ulama, pelajar agama dan orang-orang awam. Di seluruh dunia, tidak terhitung ramainya para ahlullah,para pelajar agama dan oarang-oarang awam sedang mengamalkan bacaan bacaan selawat-selawat dalam kitab sebagai amalan harian. Amalan kitab ini sangat-sangat bermanfaat, berkesan dan mujarrab dalam mendapatkan kelepasan daripada segala bentuk kesusahan, menyelesaikan masalah, menunaikan hajat dan untuk mendapatkan kebaikan dan keberkatan (Muhammad Musa t.t).

Begitu juga dengan kitab *dalail al-khayrat* karangan Shaykh Muhammad bin Sulaiman al-Jazuli yang turut dikira sebagai *talaqq al-ummah bi al-qabul* kerana ulama selepasnya menerima, mengamalkannya dan mensharahkannya seperti *matali<sup>c</sup> al-masarrat bijala'*

*dalail al-khayrat* oleh Muhammad al-Mahdi bin Ahmad al-Fasi (w. 1642M). *sharh dalail al-khayrat* oleh Shaykh Abdul Majid al-Sharnubi al-Azhari (w1929M), *al-dalail al-wadihat ‘ala dalail al-khayrat* oleh Yusuf Ismail al-Nubhani (w1931M). Dan ia telah diamalkan oleh ramai ulama seperti Ahmad al-Kumuskhunawi, Muhammad Ahmad al-Dimyati, Ahmad al-Fatani, Wan Sulaiman Wan Siddik (Shaykh Islam Kedah) dan lain lain lagi .

Oleh itu, usaha Shaykh Maulana Muhammad Musa al-Ruhani al-Bazi mengarang kitab *al-barakat al-makkiyah fi ‘l-salawat al-nabawiyyah* dilihat merupakan usaha dakwah beliau untuk mengembalikan ummah mencintai Nabi SAW dan sebagai jalan yang paling berkesan untuk mengislahkan ummah Islam akhir zaman yang menghadapi krisis keruhanian, akhlak dan akidah. Maka mencintai Nabi SAW merupakan asas keimanan dan motivasi kepada pengamalan shariat dengan hati yang reda dan kasih kepada Allah. Hasil ikutan kepada Baginda SAW dalam sunnah dan shariah membawaikan limpahan kasih , keampunan rahmah dan taufiq daripada Allah.. Amalan berselawat merupakan cara yang paling dekat dalam menyucikan hati daripada sifat sifat mazmumah dan menghiasai dengan sifat sifat mahmudah dengan berkat selawat kepada Nabi SAW. Manakala kekuatan iman pula boleh berlaku hasil hubungan keruhanian dengan Nabi SAW melalui jalan berselawat kepada Baginda SAW secara istiqamah, penuh mahabbah, keyakinan yang tinggi dan keikhlasan.

## 5.0 KESIMPULAN

Berdasarkan penulisan ini didapati bahawa al-allamah al-faqih al-muhaddis Muhammad Musa al-Ruhani al-Bazi merupakan seorang ulama muktabar. Kitab *al-barakat al-makkiyah fi ‘l-salawat al-nabawiyyah* dilihat sebagai kitab yang baik, jelas dan tidak bertentangan dengan pegangan akidah dan tasawwuf Ahl al-Sunnah wa al-Jama‘ah. Kitab amalan berselawat ini didapati dapat mendidik jiwa para muslim untuk kasih kepada Nabi SAW dan beramal dengan ajaran Baginda SAW.

## 6.0 RUJUKAN

- Abdullah Jalil & lain lain . 2016 *Nusus Turathiyyah Dirasah Manhajiyah*. Negeri Sembilan: USIM Press
- Al-Busiri, Muhammad Said [t.t] *Hazihi Al-Durrah Al-Yatimah Al-Ma'ruf bi Qasidah al-Burdah*. Dalam *Hazihi Dalail al-Khayrat ma'a al-Ahzab*. Indonesia :Maktabah wa matba'ah Taha Putra Semarang
- Ibrahim Amin . 2008The Writings Of ‘Allamah Muhammad Musa Ruhani al-Bazi (May Allah Shower His Mercy Upon Him) 17 October.  
<https://zakariyya.wordpress.com/2008/10/17/allamah-muhammad-musa-ruhani-al-bazi-may-allah-shower-his-mercy-upon-him/>
- Al-Jazuli, Muhammad bin Sulaiman [t.t] *Dalail Al-Khayrat Wa Shawariq Al Anwar Fi Dhikr Al-Salah ‘ala Al Nabiy Al –Mukhtar*. Dalam *Hazihi Dalail al-Khayrat ma'a al-Ahzab*. Indonesia :Maktabah wa matba'ah Taha Putra Semaran
- Al-Jawhari.Ahmad al-Husayn. 2009. *karamah al-auliya’ fi al-hayah wa ba‘da al-intiqal* Dimasq: Maktabah Marzuq
- Al-Fasi Muhammad al-Mahdi Ahmad (1279H) *Matali‘ Al-Masarrat Bijala Dalail Al-Khayrat* . <http://www.al-mostafa.info/data/arabic/depot3/gap.php?file=i002962.pdf>

Al-Kafi, <sup>c</sup>Abd al-Rahman Ahmad.1997. *Sullam al-Taysir li al-Yusra wa Nafahat al-Dhikr wa al-Dhikra fi al-Salah wa al-Taslim <sup>c</sup>ala abi al-Zahra Saidina wa Mawlana Muhammad Sayyid Ahl al-Dunya wa al-Ukhra.* t.p: Dar al-Jawi

Muhammad Musa al-Ruhani al-Bazi. [t.t] *Al-Barakat al-Makkiyah fi al-Salawat al-Nabawiyyah.* Kuala Lumpur : Design Publishing House,

Muhammad bin Said al-Busiri al-Shazili. [t.t] *Qasidah Busariyyah Dalam Hazih Dalalil al-Khayrat ma'a al-ahzab.* Indonesia :Maktabah wa matba'ah Taha Putra Semarang

Al-Nubhani, Yusuf Ismail.2009. *Jami' karamat al-Auliya'* Dimasq: Maktabah Marzuq Al-Nubhani. Yusuf bin Ismail .2005. *Hujjatullah 'ala Al'alamin Fi Mu<sup>c</sup>jizat Sayyid Al-Mursalin .* Beirut: Dar al-Kutub al'ilmiyyah.